

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Arab Komunikasi (6362/1) ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- Bahagian A Mengandungi 4 soalan pilihan dan calon diminta menulis satu karangan tidak kurang daripada 150 perkataan. Markah yang diperuntukkan untuk bahagian ini ialah 60 markah.
- Bahagian B Merupakan satu soalan karangan berpandu yang wajib dijawab oleh calon. Panjang karangan ini tidak kurang daripada 100 patah perkataan yang mewakili 40 markah.

Masa yang diperuntukkan bagi kedua-dua Bahagian A dan B ialah 1 jam 30 minit.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah di tahap memuaskan di mana sebilangan kecil sahaja calon yang mendapat markah tertinggi. Jawapan calon masih di tahap sederhana kerana masih terdapat calon yang tidak dapat menulis karangan mengikut tatabahasa Arab yang betul. Kegagalan calon mendapat markah yang baik disebabkan kelemahan calon menguasai perbendaharaan kata dan istilah bahasa Arab. Bahasa yang digunakan oleh calon juga tidak memuaskan dan tidak lancar.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dan dapat mengemukakan isi dengan olahan yang kemas dan menarik. Setiap isi dihurai dengan bernas bersama contoh yang sesuai. Gaya bahasa dan istilah yang digunakan adalah betul dan menepati kaedah bahasa Arab. Calon juga dapat menulis mengikut format karangan yang betul dengan tulisan yang mudah dibaca serta menulis dalam perenggan yang sesuai mengikut keperluan isi karangan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak soalan tetapi isi yang dikemukakan agak terhad, huraian yang kurang mantap dan contoh yang tidak sesuai. Terdapat juga kesilapan dari segi penggunaan istilah dan kaedah nahu bahasa Arab serta gaya bahasa yang tidak menarik.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak dapat mengemukakan isi dengan tepat. Isi diberi tanpa huraian serta contoh yang sesuai. Calon menulis terlalu ringkas dan jumlah perkataan tidak mencapai 150 perkataan. Penggunaan istilah dan gaya bahasa yang salah menyebabkan hasil penulisan sukar difahami.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Tajuk karangan untuk soalan ini ialah “Perpaduan asas kemajuan umat”. Calon yang cemerlang dapat mendefinisikan perkataan perpaduan, seterusnya menghuraikan tentang kepentingan perpaduan sebagai asas kemajuan umat berserta contoh. Namun begitu, terdapat sebilangan calon yang menulis secara umum sahaja tanpa memberikan huraian dan contoh.

Kesilapan yang sering ditemui

Calon hanya menulis karangan secara umum tanpa memberi idea dan contoh-contoh yang menjadi asas kemajuan umat.

Soalan 2

Sebilangan calon yang cemerlang memilih tajuk ini di mana calon-calon tersebut dapat mendefinisikan maksud ibadah dan kesannya dalam membentuk peribadi seseorang dengan huraian yang padat beserta contoh serta olahan yang menarik. Namun begitu, terdapat juga calon yang hanya memberi contoh ibadah sahaja tanpa menghuraikan kesannya terhadap seseorang.

Kesilapan yang sering ditemui

Pada umumnya calon dapat mengemukakan isi-isi penting tetapi gagal menghuraikannya dengan baik disebabkan kekurangan perbendaharaan kata dan istilah.

Soalan 3

Tajuk ini menjadi pilihan sebilangan besar calon iaitu “ Keluarga bahagia rahsia kejayaan anak-anak”. Calon yang cemerlang memberi takrif dan ciri-ciri keluarga bahagia dengan tepat dan padat serta dapat menghuraikannya dengan gaya bahasa yang menarik dan mudah difahami. Kelemahan yang sering dilakukan oleh calon ialah mengulang-ulang isi yang sama.

Kesilapan yang sering ditemui

Segelintir calon tidak dapat menghuraikan isi dengan baik kerana kurang perbendaharaan kata dan menulis tanpa mengikut kaedah nahu bahasa Arab yang betul.

Soalan 4

Soalan ini berbentuk surat kiriman di mana calon diminta memohon maaf di atas kehilangan buku yang dipinjam dari kawannya. Hanya sebilangan kecil calon memilih tajuk ini kerana mereka tidak memahami kehendak soalan. Calon juga menulis tanpa format. Isi yang diberi tidak tepat dan tidak dihuraikan manakala bahasa yang digunakan tidak menarik.

Kesilapan yang sering ditemui

Calon menulis tidak mengikut format surat kiriman, isi tidak menepati tajuk dan bilangan perkataan kurang dari 150 perkataan.

Bahagian B

Soalan 5

Calon yang cemerlang dapat mengemukakan isi dengan huraian yang padat berpandukan gambar dan frasa kata yang diberi tentang ciri-ciri calon yang berjaya. Isi dihurai dan diolah dengan baik perenggan demi perenggan. Gaya bahasa yang digunakan mudah difahami beserta contoh yang sesuai. Namun begitu, terdapat calon yang hanya menyalin semula frasa kata yang diberi tanpa huraian dan contoh.

Kesilapan yang sering ditemui

Calon tidak faham frasa kata yang diberi menyebabkan mereka tidak dapat menghuraikannya dengan baik dan tepat.

SARANAN KEPADA CALON

1. Meneliti dan memahami kehendak soalan sebelum membuat pilihan dan menjawabnya.
2. Merangka jawapan mengikut kehendak soalan.
3. Memperkaya perbendaharaan kata dan istilah bahasa Arab dengan membanyakkan membaca bahan bacaan tambahan.
4. Banyakkan latihan penulisan dengan menggunakan kaedah nahu bahasa Arab yang betul.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mempelbagaikan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).
2. Mengadakan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk menarik minat calon.
3. Mendedahkan para calon dengan pelbagai bentuk dan format karangan dan memberi istilah baru kepada mereka.
4. Menguasai teknik memeriksa hasil penulisan secara analitikal.